

223. Notis Am

**HEBAHAN AWAM**

Orang ramai adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan pada ketika ini sedang membuat penilaian ke atas permohonan untuk mendapatkan kelulusan oleh Entogenex Industries Sdn. Bhd. (EntoGeneX) untuk melepaskan produk TMOF_Yis (*Pichia pastoris* yang telah diubah suai secara genetik) bagi tujuan pembekalan atau tawaran untuk membekalkan untuk pengawalan populasi nyamuk *Aedes aegypti* dengan **Nombor Rujukan JBK (S) 602-1/1/5**.

TMOF_Yis yang dicadangkan untuk dilepaskan telah dimatikan sepenuhnya secara pemanasan haba, mengandungi peptida TMOF (*Trypsin Modulating Oostatic Factor*) dan diformulasikan sebagai produk MOUSTICIDE RH dan MOUSTICIDE WP.

Tujuan pelepasan ini adalah untuk mengawal populasi jentik-jentik nyamuk *Aedes*. Jika diluluskan, produk tersebut akan diedarkan ke seluruh negara secara besar-besaran menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pelepasan yang dicadangkan ini akan dijalankan mengikut syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK).

LBK mengalu-alukan pandangan/komen bertulis daripada orang ramai berhubung dengan permohonan tersebut. Maklumat lanjut tentang permohonan boleh didapati daripada www.biosafety.nre.gov.my di bawah Konsultasi Awam. Sila nyatakan nombor rujukan (JBK (S) 602-1/1/5) apabila berhubung dalam surat-menyurat.

Segala pandangan/komen hendaklah dialamatkan kepada: **Ketua Pengarah, Jabatan Biokeselamatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Aras 1, Podium 2, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574 Putrajaya, MALAYSIA.**
E-mel: biosafety@nre.gov.my. No. Faks: 03-88904935

Tarikh tutup serahan adalah pada **8 Julai 2011**.